



Headline: 'Drama' RM1.34j
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 22 August 2022

Language: Malay
Section: Lokal
Page: 7

'Drama' RM1.34j

Pesara kerajaan ditipu 'petugas perkhidmatan pos, anggota polis'

Oleh **Essa Abu Yamin**
am@hmetro.com.my

Muar

Bukan sedikit, tetapi RM1.34 juta wang simpanan milik seorang pesara kerajaan lesap selepas 'dikerjakan' sindiket penipuan *Macau Scam*, Khamis lalu.

Pemangku Ketua Polis Daerah Muar Superintendan Muhammad Aidil Roneh Abdullah berkata, wanita berusia 74 tahun itu mendakwa ditipu sindiket *Macau Scam* yang menghubunginya dan memperkenalkan diri sebagai pegawai perkhidmatan pos dan anggota polis.

Katanya, pada Mei lalu, mangsa menerima panggilan telefon daripada individu yang memperkenalkan diri sebagai pegawai perkhidmatan pos.

"Suspek menyatakan terdapat penghantaran atas mangsa di mana di dalamnya mengandungi kad pengenalan, kad bank dan buku cek milik orang lain yang menyalahi undang-undang.

"Panggilan telefon kemudiannya disambung-

kan kepada suspek lain yang memperkenalkan diri sebagai pegawai polis," katanya dalam satu kenyataan kelmarin.

Beliau berkata, suspek telah menakutkan mangsa dengan menyatakan dia terbabit dalam jenayah penipuan dan kegiatan haram.

"Mangsa kemudiannya diarahkan untuk memberikan butiran perbankan termasuk akses perbankan dalam talian akaun bank tempatan miliknya atas alasan untuk diaudit.

"Oleh kerana takut diambil tindakan, mangsa mengikut segala arahan suspek yang mengarahkan untuk memindahkan wang simpanannya dan bayaran tunai ke kedua-dua akaun yang didedahkan itu atas alasan yang sama," katanya.

Katanya, pada Khamis lalu mangsa membuat semakan kedua-dua akaun bank miliknya yang didedahkan kepada suspek sebelum ini dan mendapati wang berjumlah RM1,342,459.70 telah dipindahkan kepada pihak lain tanpa pengetahuannya.

“Mangsa mengikut arahan suspek untuk memindahkan wang simpanannya Muhammad Aidil”